

PRASANGKA DAN DISKRIMINASI (Part 9)

Izwyn Binti Zulkapri, Khalifah Mastura Binti Hassan & Nurul Sa'adah Binti Sabdin

SEBAB-SEBAB PRASANGKA DAN DISKRIMINASI

Terdapat beberapa faktor yang menjurus kepada prasangka dan diskriminasi iaitu:

1. Sejarah dan Ekonomi

Sejarah adalah satu penyingkapan perasaan ketidakpuasan satu kelompok yang dianiayai oleh satu kelompok yang lebih kuat dan maju. Hal ini telah lama berlaku iaitu sejak zaman perhambaan lagi, cuma pendekatan prasangka dan diskriminasi adalah berbeza pada masa kini. Dari sudut ekonomi, Karl Marx melihat prasangka dan diskriminasi sebagai hasil eksploitasi golongan pemerintah terhadap golongan pekerja.

2. Sosiobudaya

Faktor sosiobudaya merangkumi proses urbanisasi, mobiliti terhadap beberapa kelompok tertentu, faktor kecekapan dan latihan, pekerjaan dan persaingan, peningkatan kadar penduduk berbanding dengan keluasan tanah dan perumahan serta perubahan di dalam peranan dan fungsi keluarga. Persaingan untuk mendapatkan perkerjaan serta sumber ekonomi menyebabkan berlaku penentangan menerusi tingkah laku prasangka dan diskriminasi.

3. Situasi

Penekanan dari aspek sosiopsikologi dengan faktor persekitaran menyebabkan berlakunya prasangka dan diskriminasi. Keakuran dengan orang lain juga merupakan pengaruh kuat terhadap prasangka yang merujuk kepada persetujuan sosial untuk akur terhadap pandangan kawan-kawan.

4. Psikodinamik

Faktor ini melibatkan penyesuaian individu atau kelompok dalam suatu masyarakat yang asing. Akibatnya berlaku konflik dan susulan itu individu akan mengasingkan diri dan melihat masyarakat sekeliling tidak menerima dirinya. Sikap ini membawa kepada aspek menyalahkan orang lain. Akhirnya terhasil sikap negatif seperti tidak dapat menilai hak orang lain. Pendekatan psikodinamik melihat dari segi struktur personaliti individu yang dikatakan lemah di mana prasangka ialah hasil daripada kebimbangan dan rasa tidak selamat di kalangan individu yang neurotik.

5. Fenomenologikal

Ia menekankan persepsi semata-mata iaitu bagaimana seseorang melihat dunia persekitarannya. Proses persepsi ini dipengaruhi oleh pengalaman silam, tingkah laku orang lain dalam situasi yang sama, serta cara seseorang itu mengendalikan sesuatu situasi. Kombinasi faktor ini mempengaruhi cara individu bertingkah laku.

6. Pendekatan “Reputasi Peroleh”

Teori reputasi peroleh memerihalkan golongan minoriti atau golongan yang menjadi mangsa kepada prasangka dan diskriminasi mempunyai ciri-ciri yang boleh membangkitkan kebencian dan keganasan kepada orang lain.

7. Sosial

Prasangka adalah hasil dari adanya interaksi sosial, maka ianya cukup mudah untuk menemukan sebab-sebab prasangka dalam kehidupan sosial. Faktor sosial yang menghasilkan prasangka antara kelompok biasanya dikategorikan ke dalam enam kategori iaitu: akibat konflik sosial antara individu dan antara kelompok, akibat perubahan sosial, akibat struktur sosial yang statik, akibat keadaan sosial yang tidak adil, akibat terbatasnya sumber daya, dan adanya politik pihak-pihak yang mengambil keuntungan dari adanya prasangka.